

'Air merah' di perairan Teluk Bahang tidak berbahaya

Analisis pasukan penyelidik dapati fenomena berpunca spesies alga bukan toksin

BH 31/8/2023 MS 36

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Keputusan awal analisis Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung terhadap 'air merah' di Teluk Bahang mendapati alga spesies 'Noctiluca Scintillans' bukan toksin serta tidak berbahaya kepada manusia.

Jurucakap Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang berkata, kepadatan sel fitoplankton itu sangat tinggi iaitu 1-5 juta sel/liter yang mengesahkan berlaku ledakan alga di perairan ini.

Kepadatan sel fitoplankton yang tinggi boleh menyebabkan kematian ikan terutama dalam sangkar akibat penurunan oksigen terlarut dan alga juga meliputi insang sehingga menyebabkan ikan tidak mendapat oksigen.

Pantau fenomena alga

"Jabatan Perikanan akan terus mengambil sampel secara berkala bagi memantau kepadatan alga spesies Noctiluca scintillans sehingga mencapai paras yang selamat.

"Beberapa langkah mitigasi



Fenomena 'air merah' di perairan Teluk Bahang mendapati alga spesies 'Noctiluca Scintillans' bukan toksin serta tidak berbahaya kepada manusia.

(Foto Mikail Ong/BH)

dicadangkan kepada penternak sangkar ikan seperti perlu tuai segera semua ikan yang bersaiz pasaran jika ada tanda ikan lemas atau mati.

"Kepadatan ikan dalam sangkar perlu dikurangkan dengan dipindahkan ke sangkar lain dan pantau kandungan oksigen terlarut serta tambah pengudaraan kepada ikan bagi menyelamatkan ikan ternakan yang masih hidup, demi mengelak pertambahan kerugian dialami oleh penternak," katanya, semalam.

Noctiluca Scintillans pernah menyebabkan ledakan sehingga air laut menjadi merah jambu dan ikan dalam sangkar mati di Kuala Gula, Perak pada 2016.



Tompokan air laut berwarna merah dikesan berhampiran sangkar ternakan ikan di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Teluk Bahang.

(Foto ihsan JAS)